

13 APRIL 2018

## 2 sahabat dihukum gantung

**BH** Jumaat, 13 April 2018

[FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM/BH]



**Herman (belakang) dan Taza dibawa keluar** dari Mahkamah Tinggi Johor Bahru, semalam selepas dijatuhkan hukuman gantung atas kesalahan mengedar 5.49kg dadah.

## 2 sahabat dihukum gantung

➔ Pelayan, pekerja kontrak didapati bersalah edar 5.49kg dadah

**Oleh Izlaily Nurul Ain Hussein**  
izlaily@nstp.com.my

➔ **Johor Bahru**

**D**ua sahabat dijatuhkan hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam, selepas didapati bersalah mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 5.49 kilogram (kg) dua tahun lalu.

Tertuduh, Taza Tarji, 23, dan Herman, 34, yang dari awal menundukkan kepala, kemudian dilihat menangis di sisi ahli keluarga serta saudara-mara hadir pada prosiding itu.

**Cuba tendang jurugambar**  
Mereka terus beremosi apabila melihat kumpulan media bertugas, malah Herman yang juga warga Indonesia dilihat beberapa kali cuba menendang jurugambar, manakala Taza, warga tempatan pula melindungi

wajahnya daripada dirakamkan.

Hakim Collin Lawrence Sequerah menjatuhkan hukuman itu terhadap kedua-dua tertuduh selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah dan gagal menyangkal anggapan pendakwa pada akhir kes pembelaan.

Berdasarkan pertuduhan, Taza yang bekerja sebagai pelayan dan Herman seorang pekerja kontrak, didakwa mengedar dadah berkenaan di atas sampan fiber berwarna merah biru, kira-kira 1.1 batu nautika dari perairan Tanjung Piai, Pontian, pada jam 4.15 petang 27 September 2016.

Mengikut fakta kes, pemeriksaan dilakukan dalam sampan digunakan kedua-dua tertuduh, menjumpai satu beg celoreng yang diletakkan di haluan sampan.

Beg itu didapati berisi bungkus makanan dan minuman

segera, namun dipercayai dibungkus semula, selain bungkus surat khabar dan plastik lutsinar yang berisi serbuk kristal disyaki dadah.

**Kemuka enam saksi**  
Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 39B(2) akta sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati, jika sabit kesalahan.

Pendakwa dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nor Iffa Zarilla Abd Rahman, yang mengemukakan enam saksi sepanjang prosiding percaraan bermula 23 Julai tahun lalu.

Taza diwakili peguam Lydiana Mansor, manakala Herman diwakili peguam Azrul Sani, dengan empat saksi pembelaan dipanggil pada prosiding bela diri.